

TATACARA PENGGUNAAN RANGKAIAN MEDIA SOSIAL MBI

1. Sebagai pengguna rangkaian media sosial, anda termaktub dengan terma dan syarat pada tatacara penggunaan rangkaian media sosial ini.
2. Rangkaian media sosial yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh ini terdiri daripada Facebook, Twitter, Forum, Blog dan Youtube.
3. Majlis Bandaraya Ipoh tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan kandungan di dalam rangkaian media sosial ini.
4. Sebarang pandangan yang dikemukakan di dalam rangkaian media sosial ini adalah pandangan individu semata-mata dan bukan pandangan Majlis.
5. Sebarang kenyataan yang menyentuh sensitiviti sesama kaum, agama dan politik adalah dilarang sama sekali.
6. Anda dilarang menjatuhkan maruah, menyerang peribadi & mengeluarkan kenyataan yang boleh menyinggung perasaan ahli rangkaian media sosial yang lain.
7. Anda tidak digalakkan menghantar ayat atau kandungan yang terkeluar dari topik utama.
8. Pautan dan kenyataan yang berunsurkan **LUCAH** dan **MENGHASUT** adalah **DILARANG** sama sekali.
9. Digalakkan supaya anda mengakui akan apa-apa kesilapan penggunaan ayat, bahasa atau kandungan dan membetulkannya dengan segera.
10. Pastikan kenyataan atau muat naik dokumen anda tidak menyalahi peraturan ‘**COPYRIGHT LAW**’, ‘**TRADEMARK**’, ‘**PATENT**’ dan lain-lain.
11. Anda tidak dibenarkan memuat naik fail-fail yang mengandungi virus-virus komputer seperti virus “Trojan Horses”, “worms”, “time bombs”, “cancel boots” atau apa-apa sahaja perisian atau program-program yang boleh merosakkan operasi sesebuah komputer pengguna yang lain.
12. Dokumen yang telah dimuat turun tidak boleh digunakan untuk tujuan yang salah di segi undang-undang.

13. Pihak pengurusan Majlis Bandaraya Ipoh di dalam mana-mana keadaan tidak mengesahkan, menyokong, mewakili atau menjamin sebarang kebenaran, ketepatan atau kebolehpercayaan mana-mana kenyataan yang di buat di dalam rangkaian media social ini. Anda sendiri seharusnya faham bahawa sebarang risiko berhubung kebolehpercayaan sesuatu bahan di dalam rangkaian sosial ini adalah ditanggung oleh individu itu sendiri.
14. Pihak pengurusan Majlis Bandaraya Ipoh berhak meminda tatacara penggunaan rangkaian media sosial ini pada bila-bila masa tanpa sebarang pengumuman / notis.